

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 16 JULAI 2013, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 14

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1311-L54872  
**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [ Tanah Merah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan pihak Imigresen Malaysia dalam prosedur pengambilan pekerja asing dari Negara Sumber serta apakah prosedur terkini berkenaan pengambilan pekerja asing dari Negara Sumber.
2. PR-1311-L54110  
**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah hasil daripada 'Pelan Strategik Kebangsaan Untuk Penyakit Tidak Berjangkit' yang dirangka oleh Kerajaan selaras dengan mandat daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk menangani beban penyakit kronik tidak berjangkit.
3. PR-1311-L54786  
**Dato' Othman bin Aziz [ Jerlun ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-
  - (a) berapakah bilangan pelabur, jumlah pelaburan, jumlah pekerjaan diwujudkan sehingga kini di Kulim Hi-Tech Park (KHTP); dan
  - (b) berapakah jumlah pelaburan tambahan di kalangan pekilang sedia ada di KHTP sehingga kini dan berapakah jumlah pelabur dan jumlah pelaburan terlibat yang telah menutup operasi (sekiranya ada) di KHTP.
4. PR-1311-L53700  
**Dato' Mansor bin Othman [ Nibong Tebal ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah kejayaan dari segi kehasilan (output) penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dikatakan mendapat peruntukan sebanyak RM1billion di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) negara ini bagi menjalankan penyelidikan berimpak tinggi dalam bidang strategik seperti nanoteknologi, otomotif, bio- teknologi dan aeroangkasa.

5. PR-1311-L53983  
**Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican [ Kepala Batas ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bentuk pemantauan yang dilakukan oleh Kementerian, dalam memantau NGO-NGO yang mendapat bantuan dana antarabangsa dalam melakukan aktiviti mereka di Malaysia.
6. PR-1311-L53909  
**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Bachok ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam mengatasi kejadian hakisan pantai dan tebing sungai khususnya di negeri Kelantan yang semakin teruk.
7. PR-1311-L53093  
**Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [ Parit ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian akan melaksanakan pembinaan jalan baru Parit-Siputeh (13KM), pembinaan Jambatan Lambor dan pembinaan Dewan Serbaguna di Pekan Parit.
8. PR-1311-L54934  
**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [ Lumut ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan senarai jalan-jalan baru yang akan dibina dalam kawasan Parlimen Lumut bagi tempoh Rancangan Malaysia Ke-10.
9. PR-1311-L54969  
**Tuan Haji Shabudin bin Yahaya [ Tasek Gelugor ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam menghadapi fenomena keracunan pemikiran khususnya di kalangan belia di negara ini akibat daripada pengaruh media sosial yang tidak terkawal.
10. PR-1311-L53540  
**Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [ Raub ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-
  - (a) nama syarikat yang memajukan semula tanah kuarters Kerajaan di bandar Raub; dan
  - (b) faedah yang diperolehi oleh pihak Kerajaan melalui projek tersebut.
11. PR-1311-L54064  
**Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjung Piai ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
  - (a) status terkini pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 3 Pekan Nenas (KK3); dan
  - (b) bilakah tarikh tender serta tempoh pembinaan tersebut.

12. PR-1311-L53852

**Dr. Ong Kian Ming [ Serdang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pemohon dan jumlah pemohon yang berjaya diterima untuk 'Returning Expert Program (REP)', Program 'Talent Acceleration In Public Service (TAPS)', Program 'Scholarship Talent Attraction and Retention (STAR)' dan 'Structured Internship Program (SIP)' yang dikelolakan oleh Talentcorp.

13. PR-1311-L53334

**Dato' Sri Liow Tiong Lai [ Bentong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan prestasi pembelajaran Bahasa Inggeris di Sekolah Jenis Kebangsaan (C), Sekolah Jenis Kebangsaan (T) dan Sekolah Kebangsaan. Adakah Kementerian Pelajaran sedia mengadakan kelas tuisyen Bahasa Inggeris untuk pelajar-pelajar yang lemah.

14. PR-1311-L53914

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pesakit yang dirawat di setiap poliklinik dan Klinik 1Malaysia di Sibu sejak 2008, langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menaiktaraf poliklinik di Sibu dan adakah Kerajaan bercadang untuk mengarahkan doktor/ahli farmasi di Klinik 1Malaysia.

15. PR-1311-L53734

**Tuan William @ Nyallau anak Badak [ Lubok Antu ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai pelan yang lebih adil kepada rakyat mengenai pelaksanaan program projek bantuan khasnya kepada rumah-rumah panjang kerana pelaksanaannya amat tidak memuaskan hati rakyat di rumah panjang di Sarawak dan didapati tidak begitu adil.

16. PR-1311-L53197

**Tuan Ng Wei Aik [ Tanjong ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan pusat dialisis yang telah dilesenken dan tidak dilesenken mengikut negeri dan apakah rancangan untuk memastikan setiap pusat dialisis kelolaan pihak swasta atau pertubuhan bukan Kerajaan dapat dilesenken dengan sewajarnya.

17. PR-1311-L53188

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah berkesan untuk mewujudkan pengkalan data yang tepat dan terkini seperti unjuran guru, latihan guru, penempatan guru, rekod perkhidmatan guru, guru cuti bersalin dan unjuran guru-guru bersara. Bagaimana Kementerian mengatasi masalah ketidakserasan data antara bahagian-bahagian seperti BPSM, EPRD, BPG, BPSH dalam Kementerian.

18. PR-1311-L54676

**Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sebabnya kedudukan Resource Governance Index negara kita yang begitu teruk dan apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki persoalan "governance" sumber semulajadi negara kita.

19. PR-1311-L53257  
**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [ Lenggong ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :
- (a) kedudukan pelaburan langsung asing ke dalam negara sehingga kini dan prestasinya mengikut negeri; dan
  - (b) berdasarkan situasi semasa, apakah langkah Kerajaan bagi memastikan sasaran pelaburan asing ke Malaysia tercapai.
20. PR-1311-L54537  
**Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa projek pembinaan bangunan baru di SRJKC Permatang Tinggi masih gagal dilaksanakan walaupun selepas sekian lama dan bilakah projek ini akan dilaksanakan demi keselesaan para pelajar dan guru-guru sekolah.
21. PR-1311-L54771  
**Puan Rubiah binti Haji Wang [ Kota Samarahan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah ada perancangan Kementerian untuk menaik taraf kemudahan infrastruktur sekolah-sekolah rendah ataupun mengantikannya dengan pembinaan sekolah baru seperti sekolah lama yang perlu penggantian iaitu S.K Endap, S.K Empila dan S.K Asajaya Laut di Bahagian Samarahan, Sarawak.
22. PR-1311-L53155  
**Tuan Idris bin Haji Ahmad [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pelajar *post-graduate* tidak boleh terlibat dalam politik dan bertanding dalam pilihanraya kampus.
23. PR-1311-L53723  
**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Haji Ahmad [ Mersing ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah benar wujudnya dakwat tidak kekal diguna pakai semasa Pilihanraya yang lalu sebagaimana yang didakwa oleh pihak pembangkang. Jika tidak benar, apa usaha Kerajaan untuk membersihkan nama baik Kerajaan dalam isu berkenaan.
24. PR-1311-L53779  
**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan keuntungan yang diperolehi oleh syarikat-syarikat yang membekalkan air di negeri-negeri dalam tempoh 2008 hingga 2012.
25. PR-1311-L54201  
**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah KPM berhasrat untuk menaikkan nisbah guru murid dari Tahap Tahun 1-6:1.5, Tingkatan 1:1.5, Tingkatan 2-5:1.7 dan Tingkatan 6:2.3 ke tahap yang lebih rasional bagi meringankan beban guru sekaligus meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah.

26. PR-1311-L54763

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa ramaikah graduan yang telah tamat belajar dari IPTA dan IPTS sepanjang tahun 2012.

- (a) dari jumlah tersebut berapa ramaikah yang mendapat pekerjaan tetap; dan
- (b) apakah usaha Kerajaan untuk menangani graduan lama dan baru yang masih menganggur.

27. PR-1311-L54393

**Dato' Sri Azalina binti Othman Said [ Pengerang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dasar Kerajaan tentang perkahwinan gadis Islam di bawah umur 13 tahun yang telah mumayiz. Bukanakah perkahwinan tersebut sah mengikut hukum syarak, walau bagaimanapun masalah ini dilihat sebagai kesalahan di bawah Undang-undang Jenayah Malaysia.

28. PR-1311-L54176

**Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah rumah mampu milik ataupun rumah kos rendah yang dibina, dalam perancangan dan tahun jangkaan siap di Kuching pada tahun 2008 sehingga Jun 2013.

29. PR-1311-L53884

**Datuk Juslie bin Ajirol [ Libaran ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah tindakan dan siasatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengenai plot jahat untuk menjatuhkan Kerajaan Pusat menerusi demonstrasi yang sudah dirancang lebih awal sebagai kemungkinan permulaan kepada "Malaysia Spring" seperti mana didakwa oleh bekas Naib Pengerusi DAP, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim.

30. PR-1311-L53649

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan hasil dari pindaan Akta Kerja "Sub Contractor Labour" kepada "Contractor Labour" yang Menteri menyatakan hanya sektor pertanian yang dibenarkan .

31. PR-1311-L53137

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) sebab kenapa kerja-kerja menaiktaraf Lapangan Terbang Kota Kinabalu lewat disiapkan; dan
- (b) adakah keselesaan dan keselamatan penumpang terjamin dan apakah tindakan Kementerian bagi mengatasi masalah ini serta tindakan yang telah diambil ke atas kontraktor ke atas kelewatan ini.

32. PR-1311-L53828  
**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bilakah Kementerian berhasrat untuk memberikan kebebasan kepada rakyat untuk menggunakan media Kerajaan seperti RTM tanpa mengira fahaman politik.
33. PR-1311-L53281  
**Tuan Wilson Ugak Kumbong [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian Kerja Raya bercadang untuk membaik-pulih Jalan Bintulu-Bakun yang rosak disebabkan kenderaan berat seperti lori-lori yang sarat dengan muatan balak yang mengunakan jalan tersebut secara haram.
34. PR-1311-L53087  
**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang kos dakwat kekal yang telah digunakan dalam Pilihanraya Umum Ke-13 yang lalu dan kenapa dakwat yang digunakan mudah luntur.
35. PR-1311-L53683  
**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [ Kuala Selangor ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah perubahan dasar pelancongan negara yang patut diambil kira bagi menjayakan lagi industri pelancongan Malaysia serta gerakan sukarelawan di kalangan rakyat sempena Tahun Melawat Malaysia 2014. Apakah perancangan Kementerian dalam memasukkan Kawasan Kelip-Kelip, Kampong Kuantan, Kuala Selangor serta Taman Alam, Kuala Selangor sebagai antara destinasi utama pelancongan antarabangsa.
36. PR-1311-L54230  
**Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [ Bandar Tun Razak ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapa orang yang telah mendapat manfaat daripada "Skim Netbook 1Malaysia" dan mohon nyatakan statistik pemberian mengikut negeri serta kos keseluruhan sehingga 31 Mei 2013.
37. PR-1311-L53496  
**Datuk Aaron Ago anak Dagang [ Kanowit ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keberkesanan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi megurang dan mengatasi kadar jenayah di negara ini.
38. PR-1311-L53966  
**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jumlah tanggungan belanja bagi SPR melangsungkan Pilihan Raya Umum Ke-13. Apa pula perbelanjaan sepenuhnya yang ditanggung oleh BN dan semua parti lain dengan berdasarkan Penyata Belanja Pilihan Raya (Borang B Subseksyen 23(1) di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

39. PR-1311-L53749  
**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [ Jasin ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan tindakan susulan yang sedang dan bakal diambil ke atas golongan peniaga tertentu yang dengan sengaja menaikkan harga barang dan perkhidmatan dengan tujuan untuk menyuntik, '*hyper inflation*' dan yang demikian akan menimbulkan kemarahan rakyat.
40. PR-1311-L53869  
**Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah mekanisme yang telah dilakukan bagi menangani masalah mobiliti kemasukan pekerja-pekerja asing ke dalam pasaran buruh negara.
41. PR-1311-L54418  
**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kementerian boleh menjelaskan siapakah 3 orang yang dikatakan terlibat dalam pencerobohan pengganas-pengganas di Lahad Datu dan Semporna yang telah berlaku pada awal tahun ini.
42. PR-1311-L53814  
**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [ Sepang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) berapa banyak projek yang telah diumumkan dan diluluskan oleh YAB Perdana Menteri Kerajaan Sementara selepas Parlimen dibubarkan; dan
  - (b) berapa banyak kos yang dibelanjakan oleh Kerajaan bagi menyediakan pengiklanan 1Malaysia melalui 'billboard' di semua lebuh raya.
43. PR-1311-L54882  
**Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [ Setiawangsa ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelaksanaan projek Perumahan Rakyat 1Malaysia dan rumah pangsa kos rendah untuk golongan pesara polis dan tentera di kawasan Parlimen Setiawangsa.
44. PR-1311-L54032  
**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan bilakah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) akan melaksanakan Projek Pemindahan Air antara negeri Perak dan Pulau Pinang di Sungai Perak/Krian demi memastikan bekalan air mencukupi selepas tahun 2020 selaras perjanjian antara SPAN dengan Kerajaan Negeri pada 2 Jun 2011.
45. PR-1311-L53327  
**Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil bagi membendung atau mengatasi masalah pemilikan atau penggunaan senjata api haram yang mencetuskan suasana dan perasaan yang tidak selamat dalam negara ini.

46. PR-1311-L53254  
**Tuan Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah status penggubalan Akta Kebajikan Binatang sehingga kini. Nyatakan berapa banyakkah kes penganiayaan binatang yang telah dibawa ke mahkamah dari tahun 2011 hingga kini.
47. PR-1311-L54115  
**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- program-program keagamaan yang telah dibuat dan dirangka bagi merapatkan golongan muda ke masjid-masjid dan surau; dan
  - apakah pendekatan yang terbaik setakat ini yang memberikan impak kepada golongan muda untuk sayangi masjid dan Islam.
48. PR-1311-L54285  
**Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan cadangan NGO untuk melantik "*Third Party Independent Auditors*" untuk melaksanakan "*forensic technical audit*" di loji rawatan dan sistem pengagihan air untuk menentukan sama ada selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya akan mengalami krisis air.
49. PR-1311-L53589  
**Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- bilakah semua Sekolah Tamil akan mendapat bantuan modal yang melayakkannya dijadikan sebagai sekolah bantuan penuh; dan
  - adakah Sekolah Cina dan Tamil yang berada di bawah kawasan luar bandar (yang kurang pelajar) akan dipindahkan ke kawasan bandar.
50. PR-1311-L53381  
**Dato' Wira Othman bin Abdul [ Pendang ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah projek naik taraf jalan antara Kota Sarang Semut ke Pekan Pendang dan Pekan Pendang ke Sungai Tiang akan dilaksanakan memandangkan projek ini sudah lebih 10 tahun tertangguh.
51. PR-1311-L53307  
**Tuan Khoo Soo Seang [ Tebrau ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab-sebab peningkatan kes pembunuhan baru-baru ini dan tindakan-tindakan yang diambil untuk mengawal kedudukan keselamatan negara.

52. PR-1311-L54103  
**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kos pembinaan Pondok Polis Bukit Permai, tarikh siap bina dan sebab pondok tidak diguna pakai sampai sekarang. Bila pondok tersebut akan digunakan.
53. PR-1311-L54845  
**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyelamatkan Malaysia dari terus jatuh dari Indeks Kebebasan Media Dunia memandangkan cengkaman penapisan pihak berkuasa semakin ketat dan akses kebebasan informasi semakin terhad.
54. PR-1311-L53056  
**Datuk Raime bin Unggi [ Tenom ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha terkini mengenai operasi pelaksanaan Keamanan dan Keselamatan di bawah Kawasan Keselamatan Khas Timur Sabah (ESSCOM) sejak ditubuhkan untuk tujuan mempertahankan keamanan, melindungi rakyat serta menjamin keselamatan dan kedaulatan Sabah.
55. PR-1311-L54329  
**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan prosedur dan syarat-syarat pemilihan calon bagi jawatan KSN dan KSU Kementerian.
56. PR-1311-L53383  
**Datin Linda Tsen Thau Lin [ Batu Sapi ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan :-
- (a) apakah tindakan yang diambil untuk memastikan gangguan bekalan elektrik yang baru-baru ini selalu berlaku di Sandakan diminimumkan.; dan
  - (b) memandangkan harga bahan api fosil sangat tinggi, apakah langkah-langkah yang diambil untuk menggunakan tenaga yang boleh diperbaharui (*renewable energy*), contohnya tenaga suria, di negara ini.
57. PR-1311-L54644  
**Datuk Chua Tee Yong [ Labis ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membantu mengurangkan kos sara hidup bagi penduduk di kawasan bandar.
58. PR-1311-L54227  
**Tuan Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa Akta Hasutan 1948 masih belum dimansuhkan.

59. PR-1311-L54034  
**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan paspot luar negeri yang telah disenarai hitamkan atau tidak diperbaharui atau dilambatkan pembaharuan sejak 1995 mengikut pecahan tahun, negara asing yang diduduki dan kaum. Apakah rasional dan juga kuasa peruntukan dalam akta bila tindakan itu diambil.
60. PR-1311-L53424  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan projek Greater Kuala Lumpur yang sedang dalam perancangan, sedang dibina dan telah dilaksanakan setakat ini dan pendekatan holistik yang diperkenalkan kepada masyarakat Kuala Lumpur supaya berlaku keseimbangan rohani dan jasmani dalam diri masyarakat.
61. PR-1311-L53488  
**Tuan Seah Leong Peng [ Telok Intan ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah pelan tindakan Kementerian untuk menangani masalah pencemaran terutama gangguan lalat di kawasan-kawasan tempat tinggal penduduk yang berhampiran dengan tempat pelupusan sampah khususnya di Batu 12, Jalan Changkat Jong, Teluk Intan, Perak.
62. PR-1311-L53351  
**Dato' Henry Sum Agong [ Lawas ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa buah sekolah (SK & SMK) lama yang akan digantikan/bangun semula disebabkan keadaan bangunan yang uzur di kawasan Parlimen Lawas.
63. PR-1311-L53639  
**Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar bin Haji Musa [ Ketereh ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengenai perlaksanaan Projek Lebuhraya Kota Bharu/Kuala Krai dan bilakah lebuhraya ini dijangka disiapkan sepenuhnya.
64. PR-1311-L53210  
**Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keberkesanan Sistem Pangkalan Data (Biometrik) warga asing dan Sistem Sekuriti Nasional (NERS) bagi memantau aliran keluar masuk warga asing ke negara kita.
65. PR-1311-L54806  
**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [ Indera Mahkota ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan keluasan keseluruhan kawasan yang dicerobohi penebang-penebang haram di hutan simpan Pahang, iaitu '*National Park*' dan '*The Rompin Rain Forest*' dan rancangannya untuk mempertahankan dasar 'sustainable afforestation'.
66. PR-1311-L54155  
**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [ Ampang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah jaminan Kerajaan bahawa keselamatan kanak-kanak perempuan di bawah umur terpelihara daripada salah laku rogol (*statutory rape*) seperti kes Noor Afizal Azizan yang diringankan hukuman tidak berulang lagi.

67. PR-1311-L54044

**Tuan Ir. Shaharuddin bin Ismail [ Kangar ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) pada tahun 2012 berapakah jumlah pelatih-pelatih yang dilahirkan oleh GIAT MARA, ABM dan ILP; dan
- (b) apakah usaha-usaha Kerajaan untuk membantu menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada bekas-bekas pelatih kursus kemahiran peringkat sijil daripada GIAT MARA, ABM dan ILP yang menganggur.

68. PR-1311-L53582

**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan-tindakan yang diambil untuk menangani kebimbangan yang dibangkitkan oleh Revenue Watch Institute Laporan Transparency International 2013 bahawa akaun-akaun Petronas Nasional tidak telus dan Majlis Tindakan Ekonomi Melayu tidak membantu kontraktor Bumiputera.

69. PR-1311-L54595

**Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [ Pandan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa banyak kes di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan (BAFIA) telah dibawa ke mahkamah. Senaraikan jumlah kes mengikut seksyen BAFIA yang digunakan semasa pendakwaan.

70. PR-1311-L54131

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [ Lipis ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan diberitakan golongan guru terlampau dibebani kerja perkeranian dan dikhuatiri memesongkan fokus guru. Apakah pelan tindakan Kementerian untuk menyelesaikan masalah beban kerja pengkeranian ini. Apakah pelan tindakan Kementerian supaya para guru bermanfaat dengan aktiviti yang lebih "value adding" dalam menjamin kualiti pendidikan.

71. PR-1311-L54373

**Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [ Kubang Pasu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kenapa mengambil masa yang terlalu lama untuk melaksanakan tindakan Akta Racun 1952 ke atas mereka yang memproses, mengedar, menjual air dan daun ketum @ biak dan penyalahgunaan gam.

72. PR-1311-L54304

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [ Alor Setar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dan menerangkan apakah alasan-alasan untuk menjustifikasi penangkapan seorang wanita yang bernama Melissa Gooi pada 4.6.2013 di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

73. PR-1311-L53255

**Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tentang perlaksanaan projek AES:-

- (a) setakat ini, berapa buah AES telah dipasang dan jumlah saman telah dikeluarkan; dan

- (b) berapakah jumlah bayaran yang berjaya dikutip dan apakah peratusnya dan bilakah AES ini akan dipasang di Negeri Melaka.
74. PR-1311-L54737  
**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah hasil kajian yang telah dilakukan oleh Jawatankuasa Pembaharuan Undang-undang Malaysia sejak tahun 2010 hingga 2012.
75. PR-1311-L54735  
**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah nilai dalam Ringgit Malaysia (RM) terhadap semua janji projek pembangunan dan peruntukan-peruntukan tunai lainnya yang diberi oleh pihak Kerajaan sepanjang tempoh Pilihan Raya Umum Ke-13, iaitu bermula dari tempoh pembubaran Parlimen hingga ke hari mengundi.
76. PR-1311-L54177  
**Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah permohonan di Kuching bagi rumah mampu milik pada tahun 2005 sehingga Jun 2013. Apakah nisbah permohonan yang diluluskan dan daripada yang diluluskan, berapakah peratusan yang telah pun menetap.
77. PR-1311-L53342  
**Dato' Seri Ong Ka Chuan [ Tanjong Malim ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk menaikkan taraf teknologi kereta api yang sedia ada kepada piawai yang Jenis Berkelajuan Tinggi (*High Speed Train*) pada masa akan datang kerana ini adalah satu perkembangan yang diiktiraf oleh banyak negara di seluruh dunia, terutamanya di negara-negara maju dan dijangka jenis kereta api generasi baru ini akan dapat menjana kemakmuran ekonomi negara kita.
78. PR-1311-L53365  
**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada adanya pelan spesifik untuk melaksanakan projek perlادangan untuk peserta PPMS di Perlop 1, Sungai Siput U dan seterusnya menyatakan pelan ini.
79. PR-1311-L54026  
**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah perbelanjaan yang dibayar untuk rombongan YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri ke luar negara dalam tempoh 5 tahun iaitu dari bulan Mac, 2008 hingga Mei, 2013.
80. PR-1311-L53436  
**Tuan Haji Zainudin bin Ismail [ Jelebu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa kaliakah pembangkang telah mengadakan perhimpunan haram mempertikai keputusan selepas PRU-13 selesai dan apakah tindakan yang telah diambil ke atas penganjur atau mana-mana individu yang nyata telah melanggar undang-undang yang ada.

81. PR-1311-L53039  
**Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang reaksi Kerajaan terhadap dakwaan penyelewengan SPR dalam mengendalikan PRU Ke-13 baru-baru ini.
82. PR-1311-L53266  
**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) bilakah projek pembinaan poliklinik di kawasan Niah dan Bekenu seperti dijanjikan oleh Menteri sebelum ini dan adakah cadangan penempatan Pegawai Perubatan Gred U41 di Bekenu; dan
  - (b) bagaimana perkembangan pembukaan klinik ibu dan anak di kawasan Taman Tunku dan perkembangan penempatan mesin dialisis di Batu Niah.
83. PR-1311-L54824  
**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk menambah baik dan menaik taraf sistem bekalan elektrik di Sabah. Apakah langkah-langkah Kerajaan dalam mengurangkan SAIDI di Sabah. Bilakah Loji Turbin Gas 300MW Kimanis, Loji Janakuasa Lahad Datu 300MW dan Loji Janakuasa Geotermal 30MW Apas Balung boleh disiapkan.
84. PR-1311-L54904  
**Dato' Ar. Wan Mohammad Khairil Anuar bin Wan Ahmad [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dalam memantau bekas-bekas tahanan Ordinan Darurat dan Langkah-langkah Pencegahan Khas dalam mencegah keganasan serta jenayah yang berleluasa di negara ini. Adakah indeks jenayah PDRM diambil kira termasuk jenayah berat dan bunuh dimasukkan dalam NKRA PDRM.
85. PR-1311-L55004  
**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Setiu ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah rumah mampu milik yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan mengikut pecahan negeri dalam tempoh tiga tahun lalu dan berapakah bilangan golongan belia yang berpendapatan rendah menikmati skim rumah mampu milik ini mengikut pecahan negeri dalam tempoh tersebut.
86. PR-1311-L54989  
**Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sama ada Kementerian dapat memberi geran untuk memulihkan Industri Songket di Kampung Rejang, Tanjong Manis memandangkan Kampung Rejang adalah tempat tunggal bagi industri songket di negeri Sarawak.
87. PR-1311-L54950  
**Datuk Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah berkesan untuk mempertingkatkan penyertaan Bumiputera dalam perniagaan terutama sekali di Sabah dan Sarawak.

88. PR-1311-L54979

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan situasi selepas PRU-13 mengenai provokasi sentimen perkauman oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dalam masyarakat pelbagai kaum. Sejauh manakah usaha-usaha dilakukan bagi mangatasi masalah tersebut.

89. PR-1311-L55037

**Tuan Rozman Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula fungsi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) bagi membolehkan jawatankuasa ini memberi sokongan yang lebih baik kepada Kerajaan dari aspek keselamatan, penyaluran maklumat dan perpaduan kaum.

90. PR-1311-L54955

**Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [ Sipitang ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan cadangan untuk membenarkan penduduk di Sabah dan Sarawak menggunakan parabola pada premis kediaman mereka.

91. PR-1311-L53883

**Datuk Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) pelaksanaan pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Kg. Paris, Kg. Sukau dan Kg. Tongod; dan
- (b) usaha-usaha menaiktaraf sekolah-sekolah dan rumah-rumah guru dhaif di kawasan luar bandar terutamanya daerah Kinabatangan.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. (D.R. 4/2013) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2012) 2013 – **Menyambung Semula Perbahasan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang” (15 Julai, 2013)**

[ Menteri Kewangan ]

DAN

**Usul dibuat oleh Menteri Kewangan dan masalah dicadangkan :-**

“Bahawa Dewan ini mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak lima ratus tiga belas juta empat ratus enam puluh sembilan ribu lima ratus enam puluh ringgit (RM513,469,560) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2012 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2012 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 Tahun 2013 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut.”

**Menyambung semula Perbahasan atas masalah (15 Julai 2013)**

2. PR-1311-U53624

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa adalah mengetahuan umum bahawa ramai warga asing di negeri Sabah telah diberikan kewarganegaraan dengan berstatuskan Bumiputera di negeri Sabah, dengan pemberian kad pengenalan Malaysia. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, dalam pendengaran awam Suruhanjaya Siasatan DiRaja bagi menangani masalah pemberian kad pengenalan Malaysia kepada warga asing, beberapa orang saksi telah memberikan keterangan bahawa memang terdapat usaha beberapa individu untuk memberikan warga asing kad pengenalan Malaysia dan seterusnya mendaftarkan mereka sebagai pemilih. Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, dalam pendengaran awam Suruhanjaya Siasatan DiRaja, Suruhanjaya juga diberitahu bahawa terdapat juga individu yang mengambil kesempatan untuk menjual kad pengenalan kepada warga asing. Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, dikhabarkan bahawa jumlah warga asing yang telah diberikan kerakyatan telah melepas tiga kali ganda jumlah penduduk asal negeri ini. Dan Dewan ini juga mengambil maklum bahawa kehadiran "warganegara Malaysia baru ini" telah banyak menimbulkan masalah sosial, kesihatan, ekonomi dan keselamatan. Maka, bagi menangani masalah ini, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, gerakan penukaran kad pengenalan baru haruslah dijalankan di negeri Sabah dan setiap permohonan kad pengenalan baru ini hendaklah disokong dengan sijil kelahiran pemohon dan juga ibu bapa pemohon.

Dewan ini juga haruslah memutuskan bahawa latar belakang pemohon yang menggunakan sijil pendaftaran lewat kelahiran atau surat akuan hendaklah diteliti rapi agar tidak terdapat unsur-unsur penipuan pendaftaran. Abjad "H" dan angka "12" juga haruslah dimasukkan dalam kad pengenalan yang dikeluarkan bag rakyat Sabah."

**(Menteri Dalam Negeri)**

3. PR-1311-U53641

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

" Dewan ini mengambil maklum bahawa, sebagaimana yang telah diumumkan oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, satu gerakan persempadan semula kawasan pilihan raya di seluruh negara akan dijalankan dalam tempoh terdekat. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa pada masa ini daripada 222 kerusi Parlimen yang ada, hanya 56 kerusi sahaja diperuntukkan bagi Negeri-negeri Borneo (Sarawak 31 dan Sabah 25) dan selebihnya 166 kerusi diperuntukkan kepada negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa tanah Semenanjung Malaysia berkeluasan seluas 131,598 kilometer persegi diperuntukkan sebanyak 166 kerusi (75%) sementara Sarawak dan Sabah dengan keluasan 198,081 kilometer persegi hanya diperuntukkan hanya 56 kerusi(25%). Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa dengan kedudukan geografi dan bentuk muka bumi negeri Sarawak dan Sabah, pengurusan dan pentadbiran di kedua-dua negeri ini agak terbantut, sama ada dari segi suara di Parlimen mahu pun dana yang diperoleh melalui Ahli Parlimen. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa bersandarkan kepada polisi dan semangat Perjanjian Malaysia, Negeri Borneo ini (Sarawak dan Sabah) hendaklah memiliki 1/3 atau sekurang-kurangnya 77 kerusi Parlimen. Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa dalam gerakan persempadan semula kawasan pilihan raya yang bakal dijalankan nanti, Negeri Sarawak dan Sabah hendaklah diperuntukkan 1/3 kerusi Parlimen yang bakal dibentuk kelak."

**(Perdana Menteri)**

4. PR-1311-U53665

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Dewan ini mengambil maklum bahawa, bahasa memainkan peranan penting dalam berkomunikasi sama ada, ketika belajar, ketika bekerja atau ketika beriadah. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, bahawa kebolehan berkomunikasi dalam pelbagai bahasa membolehkan rakyat Malaysia berinteraksi dengan baik sama ada dalam negara mahu pun di peringkat global.

Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, dalam merangka pelan pendidikan negara, Kerajaan hendaklah mewajibkan semua murid di Sekolah Jenis Kebangsaan mengambil mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Inggeris sebagai mata pelajaran wajib sementara di sekolah kebangsaan pula, murid hendaklah mengambil mata pelajaran bahasa pilihan, sama ada bahasa ibunda, Tamil, cina dan lain-lain bahasa."

**(Menteri Pendidikan)**

5. PR-1311-U53673

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Dewan ini mengambil maklum bahawa, isu Borneonisasi amat dekat di hati rakyat Negeri Sabah dan Sarawak. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, bahawa rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak juga ingin untuk menyumbang dalam pembangunan negara. Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, Rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak amat bersyukur kerana telah diberikan banyak peluang dalam menjawat jawatan persekutuan di kedua-dua negeri ini. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, masih terdapat banyak ruang di mana rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak dapat diberikan peluang untuk berkhidmat dan menyumbang kepada pembangunan negara dalam syarikat berkaitan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan. Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak haruslah diberikan peluang untuk berkhidmat dalam syarikat berkaitan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan."

**(Perdana Menteri)**

6. PR-1311-U53606

**Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [ Ipoh Barat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Rakyat ini mengambil maklum bahawa kebelakangan ini beberapa orang yang telah ditangkap dan ditahan di lokap untuk penyiasatan selanjutnya mati di lokap Polis dan ia adalah di bawah bidang kuasa Polis. Pada masa sekarang pihak Polis sendiri menyiasat salah guna kuasa mereka sendiri ini tidak membawa sebarang keyakinan kepada rakyat. Suatu Badan Kuasa Bebas perlu ditubuhkan seperti yang telah disyorkan supaya siasatan bebas terhadap pihak Polis boleh dilaksanakan. Badan yang dicadangkan adalah "Independent Police Complaints And Misconduct Commission (IPCMC)". Bahawa Dewan ini mengarahkan Kementerian Dalam Negeri melaksanakan dan menubuhkan "Independent Police Complaints And Misconduct Commission (IPCMC)" dengan segera".

**(Perdana Menteri)**

7. PR-1311-U53671

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan dasar dan langkah-langkah yang sentiasa diambil untuk menjaga keutuhan negara Malaysia."

**(Menteri Dalam Negeri)**

8. PR-1311-U53672

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memperdebatkan keadaan jenayah secara menyeluruh di negara ini."

**(Menteri Dalam Negeri)**

9. PR-1311-U53434

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Rakyat bersetuju supaya pilihan raya Kerajaan tempatan dipulihkan semula di seluruh negara termasuk pilihan raya Kerajaan Tempatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi menggantikan sistem lantikan Datuk Bandar dan Ahli-ahli Majlis kerana ia lebih berkesan untuk mewujudkan pentadbiran Kerajaan Tempatan yang adil, cekap dan akauntabiliti berbanding sistem sekarang."

**(Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan)**

10. PR-1311-U54335

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini mengambil tindakan terhadap Pengerusi dan Timbalan Pengerusi serta anggota Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) yang telah melakukan penipuan dalam PRU-13 dengan menggunakan dakwat kekal yang tidak kekal dan menjadikan PRU-13 sebagai tidak bersih."

**(Perdana Menteri)**

11. PR-1311-U54336

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memansuhkan dan membatalkan perlaksanaan dan operasi AES yang jelas hanya menguntungkan syarikat konsesi dan tidak menyelesai serta tidak mengurangkan kadar kemalangan di Malaysia."

**(Menteri Pengangkutan)**

12. PR-1311-U54337

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memansuhkan dan membatalkan pinjaman pendidikan PTPTN dan menyediakan pendidikan tinggi yang percuma untuk rakyat Malaysia. Pemansuhan PTPTN akan mengelakkan masyarakat Malaysia daripada beban hutang yang berpanjangan."

**(Menteri Pendidikan)**

13. PR-1311-U54338

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memastikan Rang Undang - Undang GST mesti ditolak, kerana GST akan menambah beban hidup rakyat. Perlaksanaan GST nanti adalah satu kezaliman pada rakyat Malaysia yang majoritinya berpendapatan rendah dan sederhana."

**(Menteri Kewangan)**

14. PR-1311-U54339

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini mengutuk sekerasnya kenyataan-kenyataan berbaur perkauman yang dikeluarkan oleh pimpinan parti politik dan media perkauman UMNO/BN seperti menyatakan keputusan PRU-13 adalah tsunami politik Cina dan 'apa lagi cina mau' adalah sesuatu yang tidak boleh diterima dan bertentangan dengan amalan demokrasi."

**(Perdana Menteri)**

15. PR-1311-U54341

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini meminta Kerajaan menurunkan harga minyak RON95 dari RM1.90 kepada RM 1.40 bagi meringankan beban hidup rakyat dan membolehkan lebihan pendapatan dalam poket serta mewujudkan pendapatan boleh guna rakyat."

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan)**

16. PR-1311-U53963

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** akan mencadangkan:-

"bahawa Dewan mempertimbangkan cadangan Malaysian Association of Foreign Maid Agencies (PAPA) untuk menaikkan fi pengambilan pekerja kepada RM6700 oleh majikan dan RM1800 oleh pekerja domestik. Memorandum Persefahaman (MOU) yang ditandatangani Kerajaan Malaysia-Indonesia, yang menetapkan fi tetap pada RM4,511; RM2,711 dibayar oleh majikan dan RM1,800 oleh pekerja domestik jelas menunjukkan agensi pekerjaan mengaut keuntungan yang tinggi melalui pemerdagangan ini. Ia akan membawa kepada tangga gaji yang rendah kepada pekerja domestik untuk sekurang-kurangnya 6-9 bulan. Ianya jua bercanggah dengan Akta Pekerjaan (Artikel 24-8) yang menghalang majikan menolak gaji sehingga 50%. Ia juga bercanggah dengan Prosedur Operasi Piawai (Standard Operating Procedure) di bawah Akta Anti-Pemerdagangan Manusia di mana sekiranya gaji tidak dibayar untuk tiga bulan atau lebih, maka majikan boleh didakwa kerana eksloitasi."

**(Menteri Sumber Manusia)**

17. PR-1311-U53965

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** akan mencadangkan:-

"bahawa Dewan ini mendesak agar segala projek pembangunan yang dibina di kawasan Bukit Gasing dihentikan agar hakisan tanah dan penduduk di kawasan pinggir bukit tidak hidup dalam ketakutan setiap kali hujan turun."

**(Menteri Wilayah Persekutuan)**

18. PR-1311-U54604

**Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [ Kapar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan mempertimbangkan cadangan untuk membenarkan keluarga mangsa yang mati dalam tahanan Polis Diraja Malaysia, memperoleh pakar perubatan forensik sendiri bagi menjalankan bedah siasat."

**(Menteri Dalam Negeri)**

19. PR-1311-U54605

**Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [ Kapar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pendidikan agama diperkenalkan di sekolah kepada pelajar bukan Islam sebagai langkah untuk menerapkan nilai-nilai murni dan keagamaan di kalangan pelajar bukan Islam di dalam membendung gejala sosial yang kian meningkat dan berleluasa akibat daripada kegagalan sistem pendidikan di Malaysia."

**(Menteri Pendidikan)**

20. PR-1311-U55044

**Tuan Lim Kit Siang [ Gelang Patah ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Yang Mulia ini mengecam Menteri Dalam Negeri, YB Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi untuk artikel "Hijrah ke negara republik jika enggan terima sistem negara" di dalam Utusan Malaysia pada 16 Mei 2013, kerana bukan sahaja menunjukkan keangkuhan dan penghinaan terhadap pendapat umum tetapi juga untuk seorang Menteri menyuruh rakyat Malaysia yang tidak suka dengan sistem Pilihan raya negara keluar meninggalkan negara adalah bertentangan dengan dasar 1Malaysia Perdana Menteri dan matlamat beliau untuk menjadikan Malaysia "demokrasi terbaik dunia".

**(Menteri Dalam Negeri)**

21. PR-1311-U55043

**Tuan Surendran a/l K. Nagarajan [ Padang Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengiktiraf bahawa Rakyat diberi akses munasabah kepada Parlimen dan premisnya; seterusnya bahawa langkah-langkah diambil supaya Dewan Rakyat dijadikan tempat yang lebih menggalakkan penyertaan dan minat rakyat; membuat ketetapan bahawa Rakyat dan pertubuhan-pertubuhan NGO dibenarkan penggunaan munasabah akan kemudahan di Parlimen termasuk untuk mengadakan sidang akhbar di lobi Parlimen dan bahawa rakyat tidak dipaksa menurut sebarang kod pakaian semasa berada di Dewan Rakyat atau premisnya."

**(Perdana Menteri)**

22. PR-1311-U55045

**Tuan Surendran a/l K. Nagarajan [ Padang Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat timbang semula keputusan Tuan Timbalan Yang Dipertua berkenaan dengan perkara Peraturan Mesyuarat pada 1hb Julai 2013 iaitu keputusan Mahkamah dalam kes kematian dalam tahanan polis A.Kugan tidak boleh disebutkan menurut Peraturan Mesyuarat 36(2) atas alasan bahawa ianya berada di bawah timbangan Mahkamah (subjudice)."

**(Perdana Menteri)**